
Asiah Sarji

Penyelidikan Khalayak Radio Pertama Di Malaysia

Usia sejarah penyelidikan khalayak penyiaran di Malaysia telah melampaui usia lebih 56 tahun. Hari ini aktiviti penyelidikan penyiaran telah menjadi satu kemestian yang dilakukan oleh badan-badan penyiaran tempatan untuk berbagai kegunaan dan kepentingan. Secara umumnya kepentingan dan kegunaan kajian tidak banyak berubah dari satu tempoh masa ke satu tempoh masa yang lain. Tumpuan kajian kerap diberikan kepada perspektif khalayak, iaitu mengenai tingkah laku mereka bertindak balas kepada penyiaran radio.

Sekiranya di dalam tahun-tahun 1920 khalayak penyiaran radio banyak memberi perhatian terhadap masalah teknikal dan kelancaran penerimaan siaran melalui radio, di dalam tahun-tahun 1930an, tumpuan khalayak mula beralih kepada mutu dan kelancaran penyiaran rancangan yang disiarkan oleh radio. Keadaan seperti ini bukan saja berlaku di Malaya, tetapi juga di Britain, salah sebuah negara yang menjadi peneroka perkembangan radio. Moores(1988:23-40) melaporkan bahawa kajian-kajian khalayak yang dilakukan dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an itu telah menunjukkan bahawa terdapat perubahan perhatian khalayak radio terhadap penyiaran dari satu tempoh masa ke satu tempoh masa yang lain.

Kajian khalayak penyiaran radio pertama yang di adakan di Malaya pada 14 April 1937 telah berjaya menunjukkan perubahan perhatian khalayak itu. Kajian ini telah mengenalpasti bahawa khalayak radio ZHL yang dimiliki oleh British Malaya Broadcasting corporation(BMBC) telah berupaya memberikan pendapat yang kritikal mengenai

rancangan-rancangan yang disiarkan dan terhadap prestasi ZHL sendiri.

Maklumat mengenai tindak balas khalayak yang dikumpulkan sebelum ZHL diperkenalkan banyak memperkatakan tentang mutu teknikal penyiaran. Kajian khalayak yang dianjurkan oleh akhbar The Straits Times (TST) ini bagaimanapun lebih memberi perhatian kepada mutu rancangan yang disiarkan. Malah banyak cadangan yang membantu perubahan penjadualan rancangan di ZHL telah dihasilkan melalui kajian tersebut.

Tulisan ini akan menganalisis hasil kajian yang dimaksudkan serta meneliti bentuk dan kecenderungan penyelidikan khalayak radio pertama yang dilakukan di Malaya.

Kaedah Penyelidikan

Kajian khalayak ini adalah dari jenis pendapat publik berbentuk kajilidikan lapangan. Analisis kajian dibuat berdasarkan soalselidik yang disiarkan pada 14hb. April 1937 di akhbar TST, dan jawapannya disiarkan di akhbar yang sama keluaran 24hb. April 1937. Kajian ini telah dilakukan oleh akhbar TST sendiri.

Tujuan TST menjalankan penyelidikan ini untuk mendapatkan pendapat yang lebih sistematis, secara cross section mengenai radio dari khalayak radio yang juga pembaca TST. Menurut TST, sejak penyiaran diperkenalkan, terdapat pelbagai pendapat yang berbeza dicurahkan melalui surat yang dihantar ke TST. Ada khalayak yang berpuashati dengan rancangan-rancangan yang disiarkan dan ada pula menganggap siaran atau rancangan-rancangan radio tempatan berkualiti rendah (The Straits Times, 14 April 1937).

Enam soalan berbentuk terbuka (open ended) telah disiarkan di akhbar TST keluaran 14hb. April 1937. Arahan yang diberikan adalah: *Para pembaca adalah dijemput untuk menjawab soalan-soalan di bawah dan penuhkan borang yang disediakan dan pulangkan semula secepat mungkin kepada: The Radio Correspondent, The Straits Times, Cecil Street, Singapore.*

Tulisan yang berbentuk arahan juga terdapat di dalam ruangan berita yang tertulis di sebelah borang kajian. Arahan yang dianggap berat sebelah ini berbunyi: *Pembaca adalah diminta mengisi borang yang disertakan ini, membuat apa-apa komen tambahan, dan kritikan membina yang pembaca pilih.*

Soalan-soalannya adalah seperti berikut:

1. Item yang mana satukah di dalam rancangan-rancangan ZHL yang anda sangat suka dan apakah komen anda mengenai perkara-perkara:
 - a. Item yang berkaitan dengan artis tempatan;
 - b. Rakaman oleh artis penghibur luar negara;
 - c. Rakaman sepenuhnya lakunan dari luar negeri dan rancangan-rancangannya.
 - d. Musik klasik,
 - e. Musik popular;
 - f. Rancangan-rancangan dalam Bahasa Cina, Melayu dan Tamil.
2. Adakah anda dapati rancangan-rancangan yang disiarkan oleh ZHL menghiburkan?
3. Adakah anda ingin mendengar lebih banyak lagi rancangan-rancangan ceramah di radio oleh orang-orang terkenal yang kerap lalu melalui Singapura? Adakah anda ada mendengar ceramah atau temuramah melalui radio?
4. Adakah anda ingin mendengar lebih banyak atau lebih kurang siaran penyiaran semula daripada Stesen Gelombang Pendek Empire?
5. Adakah anda menyokong penyiaran rancangan belajar Bahasa? Sekiranya ia apakah bahasa yang paling ingin saudara belajar?
6. Kenyataan-kenyataan lain.....

Khalayak telah diminta menurunkan nama dan alamat di kertas jawapan. Walaupun nama perlu disertakan, TST bagaimanapun meyakinkan pembaca, *the name of readers returning the questionnaire will not be published and are required only as evidence of good faith* (The StraitsTimes, 14 April 1937).

Jawapan-jawapan yang diterima telah disusun secara kualitatif ringkas. Langkah selanjutnya ialah, TST telah meminta Pengurus Besar Malayan Broadcasting Corporation (MBC) ketika itu, Mr. J.S. Dumeresque untuk bertindakbalas dengan menjelaskan sikap atau pendirian Perbadanan mengenai setiap persoalan yang ditimbulkan.

Hasil Penyelidikan

Jawapan pertama. Pendapat mengenai soalan yang dikemukakan adalah terbahagi dua. Walaupun ramai khalayak yang suka kepada rancangan-rancangan hiburan yang telah siap terakam di dalam rekod musik, terdapat juga ramai yang lain menggemari rancangan-rancangan hiburan tempatan oleh artis-artis tempatan yang dirakamkan di konsert-konsert di sekitar Malaya. Malah ada yang mencadangkan supaya kumpulan musik tempatan diberikan galakan untuk muncul di hadapan mikrofon.

Kajian ini juga menemui, walaupun ramai khalayak yang meminati rancangan-rancangan drama atau hiburan yang dirakamkan sepenuhnya di luar negara, namun terdapat di antara khalayak radio yang mengatakan siaran dari luar negara itu *distasteful*. Rancangan-rancangan yang menggunakan bahasa-bahasa tempatan pula hanya di gemari oleh khalayak dari kelompok bangsa yang berkenaan sahaja, sekiranya rancangan di dalam Bahasa Cina, maka masyarakat Cina sahaja yang mengikuti dan menggemarinya.

Jawapan kedua. Secara keseluruhannya khalayak ZHL berpuashati dengan rancangan-rancangan yang disiarkan oleh ZHL. Pada masa yang sama khalayak juga menyuarakan pendapat mereka secara kritikal mengenai ZHL. Kritikan pertama adalah rancangan-rancangan yang disiarkan di ZHL dibuat dan disusun dengan menggunakan model dari Radio NIROM milik Belanda. Pendapat yang demikian membawa makna, sekiranya siaran dari ZHL dibandingkan dengan stesen radio NIROM, maka ZHL adalah stesen radio yang bermutu. Malah menurut satu tulisan dari Johor, *ZHL is the best station in the Far East, barring NIROM*.

Kajian ini juga mengukuhkan pendapat siarawan ZHL dan mereka yang telah lama terlibat dengan aktiviti penyiaran, bahawa radio memang sukar memenuhi citarasa semua pihak, terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan siaran hiburan. Kajian ini juga menemui bahawa terdapat perbezaan citarasa yang ketara di kalangan khalayak. Ada khalayak yang meminta supaya dibanyakkan rancangan-rancangan musik jazz, dan ada pula yang mengatakan rancangan itu patut dihapuskan sahaja, kecuali musik jazz ringan dan popular.

Jawapan ketiga. Kira-kira 70 peratus khalayak menyatakan kesukaan mereka terhadap rancangan-rancangan berbentuk perucapan, seperti ceramah dan rancangan-rancangan

temuramah. Bagaimanapun khalayak juga mencadangkan supaya rancangan jenis ini tidak mengambil masa yang panjang, iaitu tidak lebih 15 minit. Tajuk-tajuk perbualan atau ceramah juga perlu yang segar, baru, dan menarik. Khalayak umumnya tidak memberi perkiraan terhadap siapa yang bercakap di radio, sama ada dari dalam maupun luar negara, apa yang mereka pentingkan, penceramah atau orang yang ditemuramah mestilah terdiri daripada mereka yang tahu bercakap di radio, iaitu yang mempunyai personaliti radio.

Walaupun ada di kalangan khalayak yang bersetuju supaya orang-orang terkenal dari luar negara yang singgah di Singapura mesti dijemput untuk ditemuramah di radio, paling kurang seminggu sekali, namun menurut reaksi khalayak itu, ceramah dari doktor tempatan masih lagi dianggap terbaik.

Jawapan keempat. Soalan yang menyentuh siaran gelombang pendek dari BBC melalui Daventry juga mendapat reaksi yang bercanggah. Separuh khalayak bersetuju supaya ZHL menyiarkan semula rakaman siaran dari empayar BBC di Daventry, sementara separuh yang lain tidak bersetuju.

Percanggahan pendapat di sini berlaku kerana wujudnya perbezaan kamampuan penerimaan siaran bagi set penerima masing-masing. Bagi khalayak yang berkemampuan, mereka tidak memerlukan ZHL bertindak sebagai orang tengah kerana mereka boleh mendapatkan siaran terus melalui set mereka yang mahal. Bagi yang tidak mempunyai set yang serupa mereka mahukan ZHL mengkerapkan lagi aktiviti menyiarkan semula siaran dari Daventry.

Jawapan kelima. Mengenai rancangan belajar bahasa di radio pula, kajian mendapati kebanyakan jawapan yang diterima menyatakan kesukaan mereka terhadap siaran Belajar Bahasa Melayu yang sedang di dalam siaran. Malah khalayak mencadangkan supaya rancangan belajar Bahasa Melayu dikerapkan siarannya kepada dua sesi seminggu.

Apa yang menarik ialah tidak ramai yang meminta supaya siaran belajar Bahasa Perancis disiarkan, walaupun pada waktu itu, 26 April 1937, iaitu hari Isnin, siaran belajar Bahasa Perancis diperkenalkan. Sebaliknya ramai yang meminta supaya siaran belajar Bahasa Jerman dan Belanda disiarkan. Antara kenyataan yang ditulis adalah, *we should learn Dutch .The language of our nearest and most friendly neighbour.*

Terdapat juga khalayak yang mahukan radio menyiarkan rancangan belajar berbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Perancis, Belanda dan Mandarin, malah loghat Kantonis dan Bahasa Jepun. Khalayak yang tidak meminati siaran bahasa di radio, menyatakan bahawa siaran bahasa tidak sesuai disiarkan di radio kerana radio adalah untuk hiburan.

Jawapan keenam. Di bahagian ini, khalayak radio diminta memberikan pendapat tambahan. Sebahagian besar kenyataan yang diberi di bahagian ini ialah kenyataan yang bersifat cadangan. Khalayak mencadangkan berbagai perkara kepada ZHL, seperti menyiarkan lebih banyak siaran atau lagu-lagu di dalam bahasa-bahasa lain dan jangan terlalu beratkan Inggeris, siaran-siaran langsung dari pusat-pusat hiburan perlu ditambah, seperti dari Seaview Hotel, dan St. Claire Memorial Organ.

Mengenai prestasi ZHL, secara keseluruhannya khalayak bersetuju bahawa mutu siaran ZHL adalah lebih baik daripada ZHI, stesen radio yang dimiliki oleh *Radio Service Company of Malaya*, yang telah ditamatkan perkhidmatannya pada akhir tahun 1936. Bagaimanapun jika dibandingkan dengan stesen radio NIROM, prestasi ZHL masih kurang. Selain masa siaran masih pendek, iaitu dari jam 9 pagi hingga 10.15 malam, rancangan-rancangan yang disiarkan juga masih tidak pelbagai sifatnya. Misalnya, khalayak mahukan rancangan-rancangan ceramah, atau temubual di dalam bahasa-bahasa dan dialek tempatan dikerapkan. Rancangan bagi menyiarkan rekod-rekod terbaru juga perlu ditambah.

Kajian ini adalah kajian pendapat khalayak, atau kajian maklom balas. Dari satu segi, kajian seperti ini dikenali juga sebagai kajian penggunaan dan kepuasan. Pendapat khalayak diminta untuk menyatakan pendapat mereka terhadap rancangan-rancangan yang disiarkan, dan prestasi stesen. Soalan-soalan yang dikemukakan amat asas sifatnya, seperti rancangan-rancangan yang diminati, pendapat terhadap rancangan-rancangan yang disiarkan, sebab-sebab bagi setiap satu pendapat yang diberikan, rancangan-rancangan yang sepatutnya diperbanyakkan siarannya, kesesuaian masa siaran dan sebagainya.

Kajian pendapat khalayak seperti ini amat sesuai untuk mengenalpasti sambutan khalayak terhadap sesuatu

rancangan, sesuatu sistem penjadualan rancangan yang baru, atau sesuatu stesen yang baru beroperasi. Ada kalanya kajian seperti ini juga di kenali sebagai kajian pasaran, iaitu untuk mengesan citarasa pelanggan atau khalayak. Kajian seperti ini boleh dilakukan sebelum memperkenalkan satu-satu stesen, atau barangan, atau apa juga yang berkaitan dengannya. Matlamat utama kajian seperti ini adalah untuk memastikan barangan atau perkhidmatan yang diberikan dapat memberikan kepuasan kepada khalayak atau pengguna sasaran. Hasil reaksi khalayak atau pelanggan yang diperolehi, akan dijadikan landasan sama ada untuk menyusun strategi baru siaran, atau apa-apa tindakan yang dijangka boleh memenuhi citarasa khalayak seberapa yang terdaya.

Penyiaran di pertengahan tahun 1930an.

Secara dasarnya, kajian yang dilakukan oleh TST ini bertepatan dengan masanya. Sejak tahun 1936 percubaan siaran daripada BMBC telah dimulakan. (The Malay Mail, 20 Februari 1937: 2). Sewaktu soal selidik diedarkan melalui akhbar TST pada 14 April 1937, BMBC melalui stesennya ZHL, baru saja dirasmikan, iaitu pada 1 Mac 1937, sementara stesen ZHI yang dikendalikan oleh Radio Service Company of Malaya baru saja ditamatkan pada 31 Disember 1936 (Malaya. Annual Report on The Post and Telegraph Department, for the year 1936, 1937).

Dalam tempoh awal dan pertengahan tahun-tahun 1930an, kebanyakan khalayak radio di Malaya telah dibiasakan dengan siaran dari ZHI dan siaran dari radio NIROM. Menurut Zaharah Zaaba, pada waktu itu Radio NIROM sangat terkenal di kalangan pemilik-pemilik radio tempatan. Oleh itu jangkakan khalayak terhadap BMBC adalah tinggi, apa lagi stesen ini dianggap stesen yang paling lengkap, yang mendapat restu dari kerajaan, dan yang telah lama ditunggu-tunggu oleh peminat radio tempatan.

Buat pertama kalinya juga, siarawan berpengalaman dan berpengetahuan terlibat didalam aktiviti penyiaran di Malaya. Pengkaji menjangka faktor-faktor inilah yang menggerakkan TST menjalankan usaha mendapatkan maklum balas khalayak radio. Tambahan pula, khalayak penyiaran radio pada waktu itu dikira telah bersedia untuk diselidiki setelah terdedah dengan aktiviti penyiaran biasa sejak tahun 1933. Dalam tempoh tersebut, TST telah menerima berbagai jenis maklum

balas daripada khalayak mengenai perkhidmatan siaran di Malaya melalui ruangan surat untuk pembacanya (*The Straits Times*, 14 April 1937).

Soalan-soalan yang dikemukakan pada asasnya sesuai dengan matlamat kajian. Walau bagaimanapun, laporan hasil penyelidikan yang disediakan oleh TST ini tidak menyatakan jumlah khalayak yang memberi reaksi, atau jumlah borang yang diterima semula oleh TST.

Apa yang pasti adalah jumlah penduduk di Malaya yang telah memiliki lesen radio di dalam tahun 1935 itu ialah empat ribu orang. Apabila BMBC beroperasi secara sepenuhnya di awal tahun 1937, jumlah pemilik lesen radio ialah sepuluh ribu orang. Dari jumlah tersebut, 1,796 dimiliki oleh orang Eropah dan Euroasia; 1,351 pula dimiliki oleh kaum Cina; 144 lesen dimiliki oleh orang India; 116 lesen dipegang oleh penduduk Melayu; 62 lesen dimiliki oleh orang Jepun; dan dua lesen lagi dimiliki oleh orang Siam (*The Malay Mail*, 3 September, 1937:5). Mereka inilah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Satu lagi kelemahan laporan kajian penyiaran ini ialah, ia tidak menjelaskan kaedah data dianalisis. Bagaimanapun, sewaktu menganalisis jawapan bagi soalan ketiga, penulis laporan ada menyentuh tentang data dalam bentuk peratusan. Menurut pelapor, kira-kira 70 peratus telah menunjukkan rasa suka mereka terhadap rancangan-rancangan bersifat perucapan. Bagaimanapun maklumat lainnya telah dianalisis secara analisis naratif.

Walaupun pelaksanaan kajian masih belum sistematis secukupnya, kajian yang dilakukan amat penting kepada sejarah penyelidikan penyiaran. Bukan saja asas penyelidikan penyiaran itu telah dipahatkan, hasil yang diperolehi juga telah memberikan banyak maklumat mengenai citarasa khalayak dan mutu serta peringkat prestasi stesen penyiaran pada waktu itu. Laporan yang diberikan telah dilengkapi dengan pendapat yang diberikan oleh pihak penguasa stesen, Pengurus Besar BMBC/ ZHL, Mr. J.S. Dumeresque.

Analisis tindak balas stesen

Mr. Dumeresque menyatakan, pihak stesen sebenarnya sedar tentang wujudnya kepelbagaian citarasa yang ketara, terutama di kalangan khalayak yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza. Pihak stesen mempunyai dasar untuk

mengseimbangkan keadaan seboleh mungkin. Dari segi rancangan-rancangan hiburan misalnya, lagu dan musik yang disiarkan mestilah tidak terlalu *highbrow*. Musik ringan yang popular seboleh mungkin perlu disertakan.

Mengenai reaksi khalayak yang mahukan lebih banyak artis tempatan diberi kesempatan menghibur di mikrofon radio, Mr. Dumeresque menjawab, beliau setuju bahawa penghibur-penghibur tempatan perlu diberi kesempatan dan galakan. Bagaimanapun, penghibur yang ada di Malaya, di Singapura khususnya masih belum menepati standard yang ditetapkan. Beliau maklum tentang kepentingan tenaga mereka ini.

Kajian ini berjaya menjelaskan peri pentingnya jadual rancangan dan sikap menepati keperluan untuk menyiarkan rancangan-rancangan mengikut jadual rancangan. Rancangan yang disiarkan melalui radio mesti sempurna, seboleh mungkin tidak ada kecacatan, terutama dari segi teknikal. Kelemahan dari segi ini amat mudah dikesan oleh khalayak. Kritikan mengenai masalah teknikal dan penjadualan rancangan ini juga ditimbulkan melalui kajian ini. Mr. Dumeresque cuba memberi penjelasan mengapa keadaan tersebut berlaku: *The timetable is not always strictly adhered to because artists of present are not sufficiently trained for broadcasting to time their items accurately and it is very difficult to say whether it is good policy to fade out a turn before its conclusion or allow the artist to complete his broadcast.*

Selain rancangan dari jenis hiburan, rancangan-rancangan perucapan adalah antara rancangan yang sangat diminati oleh khalayak. Bagaimanapun, menurut reaksi khalayak seterusnya, tidak semua orang terkenal sesuai untuk berceramah atau ditemubual di radio. Tetamu yang sesuai dijemput juga perlu mempunyai *radio personality*. Dengan cara ini *pleasure* mendengar radio boleh dinikmati. Keperluan ini, menurut Mr. Dumeresque sukar dipenuhi. Malah terdapat di antara mereka ini yang takut ditemuramah, atau berceramah di hadapan mikrofon.

Kajian ini juga menunjukkan stesen ZHL yang prihatin terhadap khalayak yang berpendapatan sederhana dan rendah yang tidak mampu memperolehi set penerima siaran yang mahal yang boleh menerima isyarat radio dari BBC di Perkhidmatan Empayar. Walaupun dasar BMBC mahu menyiarkan semula siaran yang ditangkap dari Daventry, masalah mutu teknikal penerimaan siaran yang sangat rendah

telah menyebabkan pihak stesen memikirkan adalah lebih baik menyiarkan lebih banyak lagi siaran dari studio stesen tempatan, kecuali siaran yang hendak ditangkap dari Daventry itu mempunyai kepentingan tertentu.

Kesimpulan

Banyak maklumat mengenai keadaan penyiaran di Malaya di pertengahan tahun 1930an telah dapat dibongkar oleh kajian ini. Pertama, dari awal lagi telah dikesan bahawa citarasa khalayak adalah sangat berbagai. Keadaan ini telah menyebabkan kerja melaksanakan polisi penyiaran, menyusun jadual rancangan, dan melaksanakan fungsi sebagai juruhebah yang berkesan sukar dicapai.

Head(1985) menjelaskan salah satu sifat penyiaran, seperti radio, ialah keperluannya yang tidak terbatas kepada rancangan. Sekiranya dasar menentukan bahawa sesuatu kelompok masa itu perlu diisi dengan rancangan, maka pihak penerbit dan penjadualan rancangan perlu terus menerus memenuhi kelompok masa yang telah diuntukkan.

Kredibiliti sesebuah stesen radio sangat banyak bergantung kepada kemampuan pihak siarawan memenuhi keperluan slot rancangan dengan tepat dan dengan rancangan-rancangan yang boleh memuaskan hati khalayak. Sekiranya stesen-stesen radio terus menerus menghadapi masalah ini, kredibiliti dan imej stesen sangat mudah terjejas. Bagaimanapun, masalah ini kerap dihadapi oleh stesen-stesen radio yang baru. Dalam keadaan ini BMBC masih baru, dan keseluruhan sistem penyiaran yang ada pada waktu itu masih didalam proses percubaan. Adalah tidak memeranjatkan sekiranya masalah teknikal, dan masalah menepati waktu siaran ini berlaku kepada ZHL/BMBC.

Penyiaran radio juga memerlukan pekerja-pekerjanya mencapai satu peringkat kemahiran dan kecekapan berpenyiaran. Sedikit kelemahan dari segi ini, sangat mudah dikesan oleh khalayak. Apa lagi khalayak telah biasa mengikuti siaran radio NIROM yang dikatakan baik itu. Prestasi BMBC amat mudah dibandingkan. Kenyataan ini diakui oleh Pengurus Besar BMBC J.S. Dumeresque. Beliau berharap prestasi ZHL akan dapat mengatasi prestasi radio NIROM. Menurut beliau lagi, *ZHL is doing well, but it is still has a long way to go before its programmes are as entertaining as those of NIROM.*

Kajian ini juga dapat menyingkap betapa peranan khalayak adalah penting dalam membantu menentu atau membentuk dasar penyiaran radio. Stesen ZHL dikritik kerana terlalu keinggerisan di dalam siarannya. Stesen ZHL juga digesa supaya memperbanyakkan siaran dan lagu-lagu dari negara-negara lain, dan diminta supaya memperbanyakkan siaran belajar Bahasa Melayu, selain bahasa-bahasa lain.

Kajian ini berjaya menjelaskan bahawa sejak pertengahan tahun 1930an lagi khalayak mahukan radio memainkan peranan sebagai penghibur, penyalor maklumat dan pendidik. Sehingga hampir ke akhir abad 20 ini, iaitu lebih 60 tahun kewujudannya, radio di Malaysia masih melaksanakan peranan ini (Survey Research Malaysia, 1991).

Asiah Sarji ialah pensyarah di Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Penulis

Survey Research Malaysia (1991). *Result of first radio diary survey 28/4/91-1/6/91 (Revised)*. Petaling Jaya: Survey Research Malaysia and Radio Division Utusan Media Sales Sdn. Bhd.

Head, S.W. (1985). *World broadcasting systems. A comparative analysis*. Belmont California: Wadsworth Publishing company.

Malaya. *Annual Report on the Post and Telegraph Department for the year 1936/1937*.

Moore, S. 1988. 'The box on the dresser': Memories of early radio and everyday life. *Media, Culture and Society*, vol 10. London: Sage, 23-40.

The Malay Mail. 20 Februari 1937: 2.

The Straits Times. *What do you think of Singapore radio?*. 14 April 1937:4.

The Straits Times. *Constructive criticism of ZHL programmes. Extracts from answers to the Straits Times Questionnaire*. 21 April 1937:4.

Zaharah Zaaba. 1982. Temuramah dengan Asiah Sarji. Pita audio. Jabatan Komunikasi, UKM Bangi.

Rujukan